

Kegigihan Malaysia memerangi dadah dihormati

Ramai sokong

Dr. Mahathir - overseas trips.

dasar kita: PM

Oleh NAZAR ABDUL

SUBANG, Isnin — Malaysia sebenarnya mempunyai ramai rakan di dunia, tidak seperti yang disangka oleh setengah-setengah pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ini terbukti dengan sokongan sebulat suara terhadap pemilihan beliau sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT), anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di Vienna. **30 JUN 1987**

"Pencalonan Malaysia sebagai presiden persidangan disokong oleh semua 138 negara, termasuk negara-negara kuasa besar," kata Perdana Menteri di perhimpunan raksasa menyambut kepulangan beliau dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini petang ini.

Katanya, walaupun pada mulanya ada pihak yang mendakwa Malaysia dibenci oleh banyak negara di dunia kerana ketegasanya dasar-dasarnya terhadap kegiatan penyalahgunaan dadah, persidangan itu membuktikan dasar-dasar itu sebenarnya mendapat sokongan dan sanjungan banyak negara di dunia.

"Sebenarnya kita mempunyai ramai kawan dalam usaha untuk memerangi dadah dan ini satu kejayaan yang boleh dibanggakan," tegas datuk Seri Dr Mahathir disambut dengan laungan 'Hidup Mahathir, Hidup Malaysia' daripada hadirin.

● LAGI GAMBAR DAN LAPORAN DI MUKA 4

Beliau gembira kerana persidangan terbesar dunia mengenai penyalahgunaan dadah itu menyokong tindakan keras dan tegas negara ini terhadap pengedar-pengedar dadah.

"Ada negara ingin mencontohi Malaysia mengenakan hukuman mati terhadap pengedar dadah, tetapi disebabkan bantahan beberapa kumpulan, hasrat mereka tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Mengenai perlantikannya sebagai presiden persidangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau amat terharu dengan tepukan gemuruh pemimpin-pemimpin dunia apabila pemilihannya diumumkan.

"Rakan-rakan kita di seluruh dunia bekerja keras untuk memastikan kemenangan Malaysia, termasuk daripada negara-negara Amerika Selatan dan Carribean," tambahnya.

Beliau berharap sokongan padu negara-negara dunia ini akan menguatkan lagi azam rakyat negara ini dan masyarakat dunia serta melipatgandakan usaha membanteras penyalahgunaan dadah.